

Keunikan Bangkok gamit kenangan

Bangkok: Pengalaman kali pertama bertandang ke kota raya Bangkok, Thailand sebagai peserta tunggal Malaysia ke Forum Belia Asia Ke-13 (AYF'13) memberi pengalaman baharu dan indah kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fairus Abdul Manaf.

Pelajar Sarjana Muda Bioteknologi Makanan itu

berada di Bangkok selama seminggu bersama-sama peserta negara lain termasuk Bangladesh, China, Indonesia, Jepun, Itali, Russia, Korea Selatan, Thailand, Mongolia dan Filipina untuk menikmati keunikan bandar berkenaan.

Peserta ditempatkan di Hotel Ambassador yang dikelilingi bangunan pen-

ca kar langit dengan seni bina menarik dan menjadi pilihan pelancong asing.

Seperti ibu negara lain, Fairus berkata, kesesakan lalu lintas boleh dilihat di mana-mana namun ia sedikit pun

Antara **binaan seni menarik** di Tokong Wat Pho.



tidak mematahkan semangat peserta untuk terus meneroka dan mendekati penduduk sekitar bandar itu.

Universiti tertua

"Tempat pertama yang dikunjungi ialah Universiti Thammasat yang juga universiti kedua tertua di Thailand. Alhamdulillah, kami disambut mesra warga universiti yang kemudian membawa kami melawat sekitar kawasan kampus.

"Menariknya universiti ini ialah kedudukannya berdekatan dengan Sungai Chao Phraya dan di situ kami dapat melihat ramai pengunjung mendapatkan perkhidmatan bot khas untuk menelusuri sungai," katanya.

Fairus berkata, mereka juga berpeluang mengunjungi Tokong Wat Pho, kuil tertua dan terbesar di Bangkok serta menjadi destinasi wajib dikunjungi kerana ia menempatkan patung Buddha tidur terpanjang di Thailand.

Kunjungan kemudian diteruskan ke Tokong Wat Arun dan Pulau Ko Kret yang terletak di tengah Sungai Chao Phraya.

Industri seramik

Pulau Ko Kret ialah lokasi tempat tinggal etnik Mons terkenal dengan industri seramik yang menyediakan pelbagai pengisian menarik untuk pelancong antaranya kelas membuat pasu seramik, jualan kraf tangan murah dan Khanomm, kuih tradisional.

"Bak kata pepatah, sambil menyelam minum air, peluang menjelajahi kota Bangkok apabila terpilih menyertai AYP'13 sudah pasti menjadi kenangan berharga buat saya.

"Kepelbagaian budaya, seni binaan, keindahan pemandangan alam semula jadi dan kawasan pergunungan yang sejuk akan sentiasa terpahat dalam ingatan," katanya.



Fairus (dua dari kanan) dan beberapa peserta AYP'13 bergambar di puncak Tokong Wat Arun.

